

**Abdullah: Kerajaan Harus Sedia Peralatan Sewajar Kepada Atlet Paralimpik  
Bernama  
11 Oktober, 2012**

PUTRAJAYA, 11 Okt (Bernama) - Kerajaan harus menyediakan kemudahan latihan dan peralatan sukan yang sewajarnya kepada atlet paralimpik agar mereka dapat mengharumkan nama negara di persada antarabangsa, kata bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata atlet paralimpik negara mampu bersaing dengan atlet negara lain tetapi mereka memerlukan peralatan sukan yang setanding atlet lain bagi meningkatkan prestasi serta mencerahkan peluang untuk mencapai kejayaan.

Katanya pencapaian atlet paralimpik negara terbukti apabila membawa pulang sebutir perak menerusi pemanah Hasihin Sanawi dan sebutir gangsa daripada Muhammad Ziyad dalam acara melontar peluru pada temasya Sukan Paralimpik London 2012, bulan lepas.

"Kita harus memberi sokongan dan pengiktirafan terhadap usaha gigih mereka. Berikan apa sahaja yang mereka perlu agar mereka boleh mencatatkan kejayaan lebih cemerlang pada pertandingan seterusnya," katanya pada majlis meraikan skuad paralimpik London 2012 di pejabatnya di sini.

Turut hadir ialah isteri Abdullah dan juga Penaung Majlis Paralimpik Malaysia, Tun Jeanne Abdullah dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701407>